

# Pemuda Kedah diminta pujuk Dr Mahathir

-14/8/2006

**A**LOR STAR: Pemuda Umno mahu pemimpin pergerakan itu di Kedah memikul tanggungjawab memujuk bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang juga berasal dari negeri itu.

Ketuanya, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata pendekatan lemah lembul dilihat lebih kena untuk 'memenangi' hati Dr Mahathir, sesuai dengan status mantan Perdana Men-

teri itu yang juga bekas pemimpin tertinggi Umno.

Beliau turut menasihatkan ahli pergerakan Pemuda Umno negeri itu menggunakan pendekatan mendekati Dr Mahathir dan bukan menjauhkan diri, lebih-lebih lagi dalam suasana sekarang.

"Anda semua (orang Kedah) lebih dekat dengan Tun. Tun seorang yang tegas dan tidak akan berhenti memberikan pandangan dan kritikan te-

tapi pada masa yang sama kita perlu menghormati Tun sebagai bekas pemimpin kita.

"Saya harap, Pemuda Umno (Kedah) akan menjadi penawar bagi memujuk hati Tun. Jangan bimbang untuk mendekatinya, kerana dia pun bekas pemimpin kita juga," katanya di sini, malam kelmarin.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan mesyuarat Perhubungan Umno Bahagian Alor Star. Ha-

dir sama, 'Ketu'a Umno bahagian itu, Datuk Bashah Md Hanipah; Ketua Penerangan Pemuda Umno Pusat, Datuk Azimi Daim dan Ketua Pemuda Umno Bahagian Alor Star, Zubir Zabidi.

Sebagai langkah permulaan, Hishammuddin berkata, beliau sudah menghantar satu rombongan perwakilan Pemuda Umno Kedah untuk menyambut kedatangan Dr Mahathir di Langkawi, baru-baru mi.